

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-38 ("AGM") akan diadakan secara maya melalui penstriman langsung dari lokasi penyiaran di **Level 22, 1 Powerhouse, No. 1, Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia** pada hari **Khamis, 28 April 2022** jam **10.00 pagi** untuk melaksanakan urusan berikut:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

1. UNTUK MENERIMA penyata kewangan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dan laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan.

Sila rujuk Nota Keterangan 1

2. UNTUK MEMILIH SEMULA para Pengarah berikut yang akan bersara mengikut Artikel 97.1 Perlembagaan Syarikat:

- 2.1 YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail
- 2.2 Craig Connolly

Sila rujuk Nota Keterangan 2

3. UNTUK MEMILIH SEMULA para Pengarah berikut yang akan bersara mengikut Artikel 106 Perlembagaan Syarikat:

- 3.1 Chin Kwai Fatt
- 3.2 YM Dr. Tunku Alina Raja Muhd. Alias

Sila rujuk Nota Keterangan 2

4. UNTUK MELANTIK SEMULA Ernst & Young PLT (No. Firma 202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039) sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

Sila rujuk Nota Keterangan 3

Sebagai Urusan Khas

UNTUK MEMPERTIMBANGKAN DAN JIKA DIFIKIRKAN SESUAI, meluluskan resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa melainkan jika dinyatakan sebaliknya:

5. UNTUK MELULUSKAN pembayaran berikut kepada Pengarah Bukan Eksekutif:

- 5.1 Yuran sebanyak RM1,193,580 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.
- 5.2 Manfaat sebanyak RM150,000 bagi jangka masa kewangan dari 1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023.

6. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham dan Mandat Baharu Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang Bersifat Hasil atau Perdagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2022.

"BAHAWA kelulusan dengan ini diberikan bagi pembaharuan mandat yang diberikan oleh Pemegang Saham Syarikat pada 28 April 2021 dan mandat baharu Pemegang Saham menurut perenggan 10.09 Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utam Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menjalankan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2022 dengan pihak yang berkaitan seperti yang disebut, yang perlu, bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan urus niaga tersebut dijalankan mengikut perjalanan urus niaga biasa atas terma-terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan tersebut berbanding dengan terma-terma yang terpakai kepada umum serta tidak menjejaskan Pemegang Saham minoriti.

BAHAWA kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut akan berkuat kuasa sebaik sahaja resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuat kuasa sehingga:

- (i) berakhirnya AGM Syarikat yang berikutnya, selepas AGM yang akan datang ini yang telah meluluskan mandat tersebut yang akan luput pada ketika itu, melainkan jika mandat itu diperbaharui melalui resolusi yang diluluskan pada AGM yang berikutnya;
- (ii) tamatnya tempoh AGM berikutnya yang perlu diadakan selepas AGM yang akan datang ini menurut Seksyen 340(2) Akta Syarikat, 2016 (tetapi tidak dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 340(4) Akta Syarikat, 2016); atau
- (iii) dibatalkan atau dipinda melalui resolusi yang diluluskan oleh para Pemegang Saham di dalam atau mesyuarat agung;

yang mana adalah terdahulu;

BAHAWA para Pengarah dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk menandatangani segala dokumen yang diperlukan) untuk melaksanakan urus niaga yang dicadangkan dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini."

Sila rujuk Nota Keterangan 4

7. UNTUK MELAKSANAKAN apa-apa urusan lain yang notis sewajarnya telah diberikan.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

TENGGU IDA ADURA TENGGU ISMAIL

Setiausaha Syarikat
(SSM PC No. 201908001581)
(MACS 01686)

Petaling Jaya
28 Mac 2022

Nota:

Mesyuarat Agung Tahunan Secara Maya

(i) AGM Syarikat yang ke-38 akan diadakan secara maya melalui penstriman langsung serta Kemudahan Penyertaan dan Pengundian Elektronik Jarak Jauh ("RPEV") yang akan disediakan di portal dalam talian Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd. di <https://meeting.boardroomlimited.my>. Sila rujuk Butiran Pentadbiran AGM yang ke-38 bagi tatacara untuk mendaftar, mengambil bahagian dan mengundi secara jarak jauh melalui kemudahan RPEV.

(ii) Bagi maksud mematuhi Seksyen 327(2) Akta Syarikat 2016, Pengerusi mesyuarat dikehendaki hadir di lokasi utama AGM. Ahli/Proksi/Wakil Korporat tidak akan dibenarkan hadir secara sendiri pada AGM ini di lokasi penyiaran pada hari AGM tersebut.

Pelantikan Proksi

(iii) Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat secara maya berhak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh, tetapi tidak semestinya, ahli Syarikat.

(iv) Surat cara pelantikan proksi mestilah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, sama ada dimeterai dengan mohor rasminya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sedemikian.

(v) Sekiranya ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, dia boleh melantik tidak lebih daripada dua proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat kekal sebagai kredit di dalam Akaun Sekuriti tersebut. Sekiranya ahli Syarikat adalah penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk beberapa pemilik benefisial dalam satu Akaun Sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had ditetapkan untuk

bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa yang dikecualikan tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.

Sekiranya penama diberi kuasa melantik dua proksi, atau sekiranya penama diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua atau lebih proksi, nisbah pengundian saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam surat cara pelantikan proksi.

(vi) Penama diberi kuasa atau penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang lebih daripada satu Akaun Sekuriti mestilah menyerahkan surat cara proksi yang berasingan bagi setiap akaun sekuriti.

(vii) Surat cara pelantikan proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan ke pejabat Pentadbir Pengundian, Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 199601006647 (378993-D)) di Tingkat Bawah atau Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia atau di laman webnya di <https://investor.boardroomlimited.com> ("Penyerahan eProksi"). Semua borang proksi yang diserahkan mestilah diterima oleh Syarikat tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu (iaitu Selasa, 26 April 2022 pada jam 10.00 pagi) atau sebarang penangguhannya. Jika ingkar, surat cara proksi akan dianggap tidak sah.

(viii) Berkenaan dengan sekuriti telah-deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit setakat hari Rabu, 20 April 2022 layak untuk menghadiri, bercakap dan mengundi di mesyuarat agung atau melantik proksi untuk menghadiri, bercakap dan mengundi bagi pihaknya.

Nota Keterangan untuk Urusan Biasa:

1. Penyata Kewangan yang telah Diaudit

Perkara ini dalam Agenda bertujuan untuk perbincangan sahaja. Peruntukan Seksyen 340(1) Akta Syarikat 2016 menghendaki bahawa penyata kewangan yang telah diaudit dan Laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dibentangkan kepada Syarikat dalam AGM. Oleh itu, perkara dalam Agenda ini bukanlah suatu urusan yang dibentangkan untuk pengundian Pemegang Saham.

2. Pemilihan Semula Pengarah yang Bersara

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Tadbir Urus, Pencalonan dan Pampasan telah melaksanakan penilaian ke atas para Pengarah yang bersedia untuk pemilihan semula di bawah Artikel 97.1 dan 106 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju bahawa para Pengarah tersebut telah memenuhi jangkaan Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan kewajipan serta tanggungjawab mereka. Lembaga Pengarah menyokong pengesyoran Jawatankuasa Tadbir Urus, Pencalonan dan Pampasan mengenai pemilihan semula para Pengarah yang akan bersara. Para pengarah yang layak untuk pemilihan semula pada AGM yang ke-38 dan telah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula ialah, YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, Craig Connolly, Chin Kwai Fatt dan YM Dr. Tunku Alina Raja Muhd. Alias.

Di bawah Artikel 97.1 Perlembagaan Syarikat:-

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, mula-mula dilantik sebagai Pengarah Tidak Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 25 Februari 2002 dan beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 5 November 2004. Setelah berkhidmat untuk lebih daripada sembilan tahun dan berdasarkan Amalan 4.2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2017, beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Tidak Bebas Bukan Eksekutif pada 20 Februari 2018. Adalah dipersetujui agar YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dikecualikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus, Pencalonan dan Pampasan.

Pengesyoran untuk memilih semula YAM Tan Sri Dato' Seri Anwar Jamalullail dibuat berdasarkan pengalaman luas dan kepakaran beliau dalam perniagaan korporat, kewangan serta pengurusan kanan dalam industri yang berbeza, kecekapan dalam perniagaan dan integriti sebagai Pengerusi syarikat tersenarai awam. Dengan kebolehan serta kepimpinan beliau yang berwibawa, pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai perniagaan Syarikat dan lebih penting lagi, berkaitan strategi serta hala tuju Syarikat, beliau mampu memberikan bimbingan serta pengesyoran kepada Lembaga Pengarah dalam mempertingkatkan prestasi di masa yang mencabar ini. Pemilihan semula Tan Sri berdasarkan kebolehan beliau untuk mengendalikan mesyuarat Lembaga Pengarah dengan baik, termasuk mengambil kira pendapat dan pandangan berbeza dari para Pengarah dalam perbincangan, di samping menggalakkan hubungan kerja yang lancar dengan Kumpulan Pengurusan. Kepimpinan beliau terbukti sangat tinggi nilainya kepada Syarikat terutamanya pada masa gambaran pasaran umum adalah agak tidak menentu. Perlantikan semula juga akan membolehkan beliau untuk memberikan bimbingan kepada Kumpulan Pengurusan terutamanya dalam menetapkan strategi serta hala tuju Syarikat.

Craig Connolly

Craig Connolly telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan ("CFO") dan ke Lembaga Pengarah pada 1 Februari 2019. Pengalaman beliau yang luas, kebolehan kewangan fungsian yang kukuh serta kemahiran kepimpinan digabungkan dengan keinginan beliau untuk kemajuan yang berterusan, ia menjadikan beliau amat sesuai sebagai CFO sebuah syarikat tersenarai awam. Kebolehan serta kepimpinan beliau yang telah memacu operasi kewangan Syarikat dengan berkesan terbukti dengan memberikan keputusan kewangan yang baik setiap suku tahun walaupun terdapat pelbagai kekangan serta kesukaran operasi dalam masa yang mencabar ini.

Di bawah Artikel 106 Perlembagaan Syarikat:-

Chin Kwai Fatt dan YM Dr. Tunku Alina Raja Muhd Alias

Berdasarkan penilaian untuk Encik Chin Kwai Fatt dan YM Dr. Tunku Alina Raja Muhd Alias yang dilantik ke Lembaga Pengarah masing-masing pada 29 April 2021 dan 21 Jun 2021, Lembaga Pengarah adalah berpuas hati akan prestasi dan sumbangan mereka, dan yakin bahawa mereka akan terus membawa nilai serta wawasan kepada Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah memastikan bahawa pemegang syer mempunyai maklumat yang diperlukan untuk mereka membuat keputusan termaklum mengenai pemilihan semula para pengarah yang akan bersara. Ini termasuk butiran apa-apa kepentingan, jawatan atau hubungan yang mungkin mempengaruhi atau secara munasabah dilihat mempengaruhi keupayaan mereka untuk memberikan pertimbangan yang bebas dan di samping bertindak demi kepentingan Syarikat seluruhnya. Profil para Pengarah yang bersedia untuk pemilihan semula dinyatakan di halaman 47, 49, dan 50 Laporan Tahunan 2021 (*Annual Review 2021*).

Semua Pengarah yang bersedia untuk pemilihan semula telah mengecualikan diri daripada mengundi dalam perbincangan serta keputusan mengenai kelayakan mereka sendiri untuk dipilih semula pada AGM Syarikat yang ke-38.

3. Pelantikan semula Ernst & Young PLT (No. Firma 202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039), sebagai Juruaudit Syarikat ("Ernst & Young PLT")

Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang diadakan pada 22 Februari 2022, telah meluluskan cadangan Jawatankuasa Audit untuk melantik semula Ernst & Young PLT. Lembaga Syarikat dan Jawatankuasa Audit secara kolektif bersetuju bahawa Ernst & Young PLT telah memenuhi kriteria berkaitan yang ditetapkan oleh Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Nota Keterangan untuk Urusan Khas:

4. Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

Resolusi Biasa yang dicadangkan adalah untuk meminta pembaharuan kepada mandat Pemegang Saham dan mandat baharu Pemegang Saham bagi membenarkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menjalankan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2022 yang disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.



Sila imbas kod QR ini untuk mengakses Laporan Tahunan 2021 digital kami.

Laporan Tahunan 2021 dan dokumen lain yang dilampirkan boleh didapati dalam talian di <https://www.nestle.com.my/investors/annual-general-meetings> dan akan dihantar melalui mel elektronik kepada Pemegang Saham yang telah mengekalkan alamat e-mel mereka dalam Rekod Pendeposit dengan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd.